

KULIAH ZOHOR

“Bagaimana Menghadapi Kelemahan Manusia”

Masjid Maarof | 2 Januari 2019

Muhammad Haniff Hassan

ismhaniff@ntu.edu.sg / www.haniff.sg

Matn (Teks) Hadis

عن الحسين بن علي - رضي الله عنه - قال: جاء رجل
إلى النبي - صلى الله عليه وسلم - فقال: إني جبان ، وإني
ضعيف ، قال: " ألا أدلك على جهاد لا شوكة فيه ؟ " ،
قال: بلى ، قال: " الحج "

Terjemahan Hadis

- Hasan b Ali r.a berkata,

“Ada seorang lelaki datang kepada Nabi s.a.w, maka orang itu berkata “Sesungguhnya aku adalah orang yang penakut dan aku juga termasuk orang yang lemah.” Maka Nabi menjawab “Kemarilah... lakukanlah jihad yang tidak menggunakan kekuatan di dalamnya, yaitu haji.” (Riwayat Al-Tobrani)

Pengajaran Hadis

1. Hadis mengajar bagaimana menghadapi seorang yang mempunyai kelemahan dalam menunaikan tanggungjawab agama.
2. Apabila berhadapan dengan lelaki berkenaan, Rasulullah s.a.w tidak mengkritik kelemahannya dan tidak pula menyisih dia
 - salurkan lelaki berkenaan kepada sesuatu yang lain.

3. Perlu memahami bahawa setiap manusia mempunyai kelemahan
 - tiada manusia yang mampu menunaikan seluruh tanggungjawab agama secara sempurna
 - kelemahan untuk melaksanakan sesuatu kewajiban yang besar seperti jihad tidak bermakna dia tidak berkeupayaan untuk lakukan kewajiban besar yang lain
 - kelemahan untuk menunaikan sesuatu kewajiban yang besar tidak menjadikan seseorang itu 'tidak berguna langsung' dalam usaha dakwah.

4. Nilai manusia bukan hanya pada kelemahan
 - lihat secara keseluruhan dan salurkannya ke saluran yang sesuai.

5. Anjuran Rasulullah s.a.w kepada lelaki berkenaan untuk berhaji adalah preskripsi kepada kelemahan dirinya
 - moga dengan berhaji dan beribadah, sifat takutnya dapat di atasi apabila iman semakin bertambah.

6. Menganjurkan seseorang melakukan ibadah adalah sebahagian dari cara untuk menyelesaikan masalahnya
 - kelemahan seseorang itu timbul kerana hati yang lemah atau kerana sifat-sifat yang keji yang bersarang dalam diri
 - beribadah tambah kekuatan iman dan bersihkan hati, membolehkan hidayah masuk dalam diri untuk mengatasi kelemahan yang ada.

7. Perbuatan Rasulullah s.a.w contoh bagi sifat inklusif Islam dan gerakan dakwah
 - menerima manusia seadanya
 - membantu untuk membangun potensi diri
 - melihat setiap insan yang jujur dan ikhlas sebagai aset yang berguna.

KULIAH ZOHOR

**“Hidup Dalam Persekitaran Yang Tidak Boleh
Mengamalkan Islam Sepenuhnya”**

Masjid Maarof | 2 Januari 2019

Muhammad Haniff Hassan

ismhaniff@ntu.edu.sg / www.haniff.sg

Matn (Teks) Hadis

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَعَى لِلنَّاسِ النَّجَاشِيَّ فِي الْيَوْمِ الَّذِي مَاتَ فِيهِ فَخَرَجَ بِهِمْ إِلَى الْمُصَلَّى وَكَبَّرَ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ .

Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w memaklumkan kematian Najasyi pada hari kematiannya. Beliau keluar bersama para sahabat ke tempat solat, menyusun barisan dan bertakbir empat kali ke atas Najasyi. (Riwayat Al-Bukhari & Muslim)

عَنْ جَابِرٍ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِينَ مَاتَ النَّجَاشِيُّ مَاتَ الْيَوْمَ
رَجُلٌ صَالِحٌ، فَقُومُوا فَصَلُّوا عَلَى أَخِيكُمْ أَصْحَمَةَ

Jabir meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w berkata pada ketika Najasyi meninggal dunia 'Telah meninggal hari ini seorang lelaki yang soleh. Berdirilah kamu semua dan bersolatlah bagi saudara kamu Ashamah.' (Riwayat Al-Bukhari & Muslim)

Pengajaran Hadis

1. Hadis-hadis di atas menjadi sandaran pandangan para ulama bahawa Najasyi, raja Habsyah beragama Kristian yang melindungi para sahabat yang berhijrah ke sana, memeluk agama Islam. Jika beliau bukan seorang Muslim, tidak mungkin Rasulullah s.a.w melakukan solat jenazah ke atasnya.
2. Rasulullah s.a.w mensifatkan beliau sebagai seorang yang soleh dan beliau mendapat pujian pula oleh Allah taala sedangkan beliau tidak berupaya untuk melaksanakan Islam sepenuhnya sebagaimana umat Islam di Madinah disebabkan majoriti pembesar dan rakyatnya masih beragama Kristian.

3. Ini memberi pengajaran kepada pendakwah bahawa konsep mengubah kemunkaran dengan tangan (kuasa) tertakluk juga pada kemampuan yang ada, keadaan yang membolehkan serta pertimbangan maslahat dan mudarat.
4. Walaupun Najasyi tidak melaksanakan syariat yang sempurna di negara yang diperintah oleh beliau sendiri, namun Rasulullah s.a.w tetap memuji dan mensifatkannya sebagai seorang yang soleh kerana Rasulullah s.a.w mengakui akan keterbatasan dan hambatan yang beliau hadapi.
5. 'Kekurangan' beliau itu juga tidak menyebabkan Rasulullah s.a.w lupa akan jasanya yang melindungi para sahabat yang berhijrah ke negerinya.

6. Islam hanya menuntut umatnya untuk mengamalkannya setakat kemampuan yang ada dan mengikut keadaan yang membenarkannya.
7. Darjat seorang Muslim yang hidup di negara bukan Islam sehingga menyebabkan ia tidak berupaya mengamalkan Islam yang sempurna tidak semestinya lebih rendah di mata Allah taala dibanding dengan mereka yang hidup di negara Islam, asal sahaja ia terus berusaha untuk mengubah keadaan kepada yang lebih baik.
8. Seseorang itu mendapat syurga bukan kerana ia hidup dan mati di negara Islam tetapi berdasarkan amal yang ia lakukan untuk agamanya.

8. Mengakui akan keterbatasan diri dan hambatan realiti adalah petanda kebijaksanaan pendakwah. Berusaha diluar kemampuan adalah pelampauan. Tidak mengambil kira realiti boleh menyebabkan mudharat yang dicela. Pendakwah hendaklah berhati-hati dalam persoalan ini dan memohon kepada Allah taala selalu agar diberi petunjuk yang benar dalam membuat penilaian.
9. Sesiapa yang mencontohi Najasyi dalam iman dan amalnya, maka keberadaannya di bawah sistem yang bukan Islam tidak menjadikannya tercela.
10. Insan seperti Najasyi wujud sepanjang zaman. Adalah menjadi kebijaksanaan pendakwah untuk mencari dan memanfaatkan mereka.